



**UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA**

**PEPERIKSAAN AKHIR  
SEMESTER I  
SESI 2012/2013**

NAMA KURSUS	:	PENGURUSAN PERUBAHAN DALAM PENDIDIKAN
KOD KURSUS	:	BBG 33603
PROGRAM	:	SARJANA MUDA PENDIDIKAN (PENGURUSAN PENDIDIKAN)
TARIKH PEPERIKSAAN	:	DISEMBER 2012 / JANUARI 2013
JANGKA MASA	:	3 JAM
ARAHAN	:	JAWAB <b>LIMA</b> SOALAN SAHAJA

KERTAS SOALAN INI MENGANDUNGI TIGA (3) MUKA SURAT

- S1 (a) Huraikan dua objektif perubahan dalam pendidikan. (10 markah)
- (b) Pendidikan perlu melalui perubahan. Terangkan faktor luaran dan dalaman yang mendesak untuk melakukan perubahan. (10 markah)
- S2 (a) Masyarakat yang maju dan saintifik sentiasa bersedia menerima perubahan untuk menjadi lebih baik. Terangkan dua jenis perubahan dalam pendidikan. (10 markah)
- (b) Huraikan dua punca penolakan perubahan dalam pendidikan berserta kaedah penyelesaiannya. (10 markah)
- S3 Model Perubahan *Kanter* menegaskan bahawa struktur dan inovasi boleh difahami dengan lebih baik jika proses inovasi dibahagikan kepada empat tugas utama iaitu penjanaan idea, membina idea, realisasi idea dan pemindahan idea. Terangkan bagaimana model ini boleh dilaksanakan di sekolah anda. (20 markah)
- S4 Huraikan tiga kelompok kumpulan manusia di bawah yang terlibat dalam merealisasikan perubahan di sekolah.
- i. Penaja Perubahan (*The Change Sponsor*)
  - ii. Agen Perubahan (*The Change Agent*)
  - iii. Peserta Perubahan (*The Change Participant*)
- ( 20 markah)

S5 Perubahan akan memberi kesan kepada beberapa aspek pengurusan. Bincangkan empat komponen berikut yang akan terlibat dengan melaksanakan perubahan di sekolah:

- i. kognitif
- ii. sikap dan perlakuan
- iii. budaya sekolah
- iv. wawasan

(20 markah)

S6 Perubahan tanpa perancangan adalah satu risiko kerana berkemungkinan menemui kegagalan. Huraikan komponen- komponen yang perlu ada dalam perancangan perubahan pendidikan.

(20 markah)

S7 Perubahan amat dominan dalam dunia pendidikan kerana sifatnya yang dinamik. Pendidikan sebagai wadah penyediaan sumber manusia untuk masa depan sentiasa perlukan perubahan. Huraikan pelaksanaan perubahan dalam pendidikan di sekolah anda yang merangkumi bidang-bidang berikut:

- i. kurikulum
- ii. kokurikulum
- iii. prasarana sekolah
- iv. proses pengajaran dan pembelajaran

(20 markah)